

KAJIAN KEBERKESANAN UMPAN DALAM BUBU
TERHADAP HASIL TANGKAPAN

AWANG ALIM BIN AWANG KASIM

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1992

c/n 115

~~LP 117~~

1000382970

ark

LP 2 FPSS 1 1992



1000382970

Kajian keberkesanan umpan dalam bubu terhadap hasil tangkapan / Awang Alim Awang Kasim.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

7 OCT. 1996

1000382970		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP
2
FPSS
1992

**KAJIAN KEBERKESANAN UMPAN DALAM BUBU TERHADAP HASIL
TANGKAPAN.**

Oleh,

AWANG ALIM BIN AWANG KASIM

Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Sains Perikanan.

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.
1992.**

PENGHARGAAN.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w. kerana dengan keizinanNya saya dapat menyiapkan laporan projek ini.

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama, En. Saharuddin Bin Abdul Hamid dan penyelia ke dua, Tuan Haji Abdul Rahim Bin Ibrahim yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar semasa projek ini dijalankan. Tidak dilupakan jutaan terima kasih ini ditujukan kepada En. Nik Jusoh di Losong Feri, Kuala Terengganu, Terengganu kerana telah membenarkan saya menggunakan bot dan bubu beliau untuk projek ini. Terima kasih juga kepada En Johari, En. Zakaria, En. Mokhtar dan kakitangan Perpustakaan UPM di atas sumbangan teknikal dan bahan rujukan yang telah diberikan bagi menjayakan projek ini.

Buat yang teristimewa sekali kepada Ayahanda dan Bonda yang telah banyak memberi dorongan untuk terus berjuang dalam bidang ini. Seterusnya kepada saudara Osman Muda dan rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu untuk menyiapkan projek ini.

Inshaallah, semoga Allah s.w.t meredhai usaha yang kalian curahkan selama ini.

Penulis 1991/92.

ABSTRAK.

Kajian keberkesanan umpan yang digunakan dalam tujuh buah bubu di perairan antara Pulau Bidong dan Pulau Yu, Terengganu menggunakan umpan ikan *Decapterus ruselli* (selayang), Selar boops (lolong) dan campuran umpan ikan ini. Sebanyak enam operasi penyampelan ikan yang ditangkap dalam bubu telah dijalankan. Masa rendaman secara puratanya adalah 3 jam 45 minit dengan kedalaman air antara 15 hingga 20 meter. Daripada kajian, didapati jenis-jenis umpan ini memberi kesan positif terhadap hasil tangkapan. Umpan ikan *Decapterus ruselli* (selayang) berbalut menunjukkan tangkapan paling tinggi iaitu 23.19 peratus berbanding jenis umpan yang lain. Namun demikian, umpan yang berbalut dan tidak berbalut dengan jaring sintetik tidak menunjukkan perbezaan jumlah tangkapan.

Sebanyak 14 spesies ikan ditangkap iaitu 5 spesies merupakan spesies yang komersial seperti *Nemipterus peronii*, *Lutianus sebae*, *Epinephalus spp.*, *Pentapodus setiosus* dan *Lutjanus johnii*. Hampir keseluruhan jenis umpan menunjukkan spesies *Nemipterus peronii* (kerisi) merupakan yang paling dominan iaitu 55.57 peratus daripada keseluruhan jumlah tangkapan diikuti *Pentapodus setiosus* dengan peratus tangkapan 14.18 peratus.

ABSTRACT

The studies on the effect of bait in trap were done the waters of Pulau Bidong and Pulau Yu waters, Terengganu. In thus studies , seven unit of traps were used.

The baits used were the Decapterus ruselli (selayang), Selar boops (lolong) and the mixed baits of the two species that was wrapped in the syntetic net. Six samplings were done with the average immersion time of 3 hours 45 minutes at depth of between 15 to 20 meters. Result shows a positive result in the baited traps where 23.19 percent of the catch were from the baited traps of Decapterus ruselli (selayang). However, statistical analysis showed that there is no significant different in between the wrapped and non-wrapped baits.

From the sampling using all types of baits, 14 spesies were caught. Five of them were commercial species that are, Nemipterus peronii, Lutianus sebae, Pentapodas setiosus, Ephinephalus spp. and Lutjanus johnii. Nemipterus peronii was the dominant species caught (55.5%) followed by Pertapodus setiosus's (14.18 %).